

11 DEC 1996

Mohamed-RTM

RTM BELI 60 PERATUS PENERBITAN SYARIKAT BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Kementerian Penerangan mulai hari ini akan melaksanakan dasar baru yang memastikan 60 peratus daripada perolehan rancangan untuk siaran Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) diperuntukkan kepada syarikat penerbitan bertaraf Bumiputera dan berdaftar dengan Perbendaharaan.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata hanya 40 peratus belian diberikan kepada syarikat bukan Bumiputera yang juga mesti berdaftar dengan Perbendaharaan.

"Garis panduan baru ini akan diguna untuk semua belian akan datang dan saya harap dengan ini tidak timbul lagi tohmahan kononnya kita menganak-tirikan syarikat Bumiputera," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan kementerian di Angkasapuri petang ini.

Beliau berkata dengan dasar baru itu, syarikat penerbitan filem dan drama Bumiputera hendaklah menitik-beratkan kualiti hasil pengeluaran masing-masing bagi memastikan penerbitan mereka dibeli untuk siaran RTM.

"RTM perlu mengekalkan imej sebagai badan kerajaan di samping menjamin jumlah penonton bertambah dan ini akan hanya berlaku sekiranya rancangan yang ditayangkan bermutu tinggi," katanya.

Mohamed berkata keputusan yang dibuat Perbendaharaan bulan lepas itu bagi membantu syarikat Bumiputera supaya terus maju berikutan tuduhan kononnya RTM tidak melayan syarikat Bumiputera dan ada yang menganggap RTM dijadikan "tong sampah".

Beliau berkata kadar 60 peratus itu merupakan suatu peningkatan berbanding dengan 56 peratus sebelum ini dan ia mungkin ditambah lagi dari masa ke masa.

Mohamed berharap stesen-stesen TV swasta juga akan turut melaksanakan dasar baru itu dengan memberi layanan yang sewajarnya kepada syarikat Bumiputera.

"Setakat ini kita tidak memasukkan syarat-syarat itu ke dalam lesen masing-masing tetapi andainya stesen-stesen TV swasta seperti TV3, Metrovision dan Measat tidak mahu memberi kerjasama, kita akan memasukkan syarat itu ke dalam lesen untuk saluran tempatan," katanya.

"Dengan cara ini saja dapat kita majukan lagi industri perfileman dan drama tempatan," katanya.

Mengenai masalah kehilangan tenaga mahir RTM, Mohamed juga berkata lebih banyak lagi kakitangan terlatih RTM dijangka berhenti untuk bekerja dengan swasta jika keadaan tidak dapat dikawal.

Katanya, setakat ini 400 kakitangan berkualiti meninggalkan perkhidmatan RTM untuk menyertai swasta disebabkan "upah yang tinggi," malah ada yang menerima tawaran gaji tiga kali ganda.

"Kita cuba isi jawatan-jawatan penting di bahagian teknikal tetapi dalam pengambilan baru-baru ini untuk 180 kekosongan, hanya 38 yang memohon. Bagaimanapun daripada empat orang yang melaporkan diri, hanya seorang yang masih terus bekerja," katanya.

Menurutnya, struktur gaji di RTM yang tidak menarik dan jauh lebih rendah daripada yang terdapat di pasaran, merupakan punca utama RTM kehilangan pekerja mahir dan terlatih kepada swasta.

Mohamed berkata beliau akan memberi taklimat mengenai kedudukan kritikal RTM itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedikit masa lagi. Sekiranya Perdana Menteri mendapati keadaan itu perlu diperbaiki, kementerian itu akan berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi

(EPU) supaya cadangan mengkorporatkan RTM dipercepatkan. -- BERNAMA
ZAB NMO